

C/6/03/2023

7 Mac 2023

Tun Taib terima kunjungan hormat Pengerusi SPAN

KUCHING, 7 Mac – Tuan Yang Terutama (TYT) Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tun Pehin Sri Abdul Taib Mahmud menerima kunjungan hormat daripada Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri (SPAN), Datu Dr. Sabariah Putit di kediaman rasmi, Demak Jaya, pagi tadi.

Tujuan kunjungan hormat adalah untuk memaklumkan beliau bersama-sama dengan beberapa orang pegawai yang baharu dilantik sebagai Pengerusi dan Ahli-ahli SPAN bermula pada 1 Januari yang lalu.

“Tun Taib amat bersyukur dan berbangga dengan perkembangan serta kemajuan Sarawak hari ini apabila mengimbau kembali keadaan pada suatu ketika dahulu.

“Tun Taib juga merasakan negeri kita tidak ada masalah sungguhpun terdiri daripada pelbagai bangsa di dalam memastikan perkhidmatan awam negeri dijaga dengan baik dan dapat menyokong amanat kerajaan negeri dan hala tuju negeri yang diterajui oleh Premier Sarawak,” kata Dr. Sabariah yang ditemui media selepas sesi kunjungan hormat.

Beliau memberitahu, SPAN akan memastikan usaha, harapan dan mandat yang diberikan kepada SPAN dapat dilaksanakan dengan baik.

“Dengan mandat dan sokongan padu ini, kita dapat melaksanakan tugas kita untuk memastikan penjawat awam yang dilantik adalah yang berasaskan meritokrasi dengan sikap, kemahiran dan pengetahuan yang baik,” tambah Dr. Sabariah lagi.

Turut hadir semasa kunjungan hormat adalah Ahli-ahli SPAN yang baharu terdiri daripada Datu Chaiti Bolhassan, Datu Nicholas Sia, Datu Simoi Peri, Abdul Rahman Sebli, Dr. Robert Menua, Yussibnosh Balo, Alexander Vincent, Liew Jiu Ming dan Alexander Unya sebagai Timbalan Pengerusi. **-TAMAT -**

Disediakan oleh: Toslin Meyub (BMKK)

Foto oleh: Saiful Rahman Sabri (BKVS)

GAMBAR PENERANGAN MENUNJUKKAN

Foto 1: Tun Taib ditemani isteri, Toh Puan Datuk Patinggi Raghad Kurdi Taib semasa menerima kunjungan hormat daripada Pengerusi SPAN, Datu Dr. Sabariah Putit (empat kiri) dan Ahli-ahli SPAN di kediaman rasmi, Demakjaya, hari ini.

Foto 2: Dr. Sabariah (enam kiri) bersama-sama dengan Ahli-ahli SPAN merakam gambar selepas sesi kunjungan hormat.

Foto 3: Dr. Sabariah menyampaikan cenderamata daripada SPAN kepada Tun Taib.